Mengurus Risiko kepada Kestabilan Kewangan

SOROTAN PENTING

- **Sektor perniagaan dan isi rumah terus menunjukkan keupayaan membayar balik hutang yang kukuh.**
- **Kehadiran pelabur domestik dan asing jangka panjang terus menjadikan pasaran bon domestik stabil.**
- **Kestabilan kewangan domestik dijangka terpelihara, dalam keadaan institusi kewangan yang kukuh serta keadaan pasaran dan mudah tunai yang teratur.**

Kestabilan kewangan domestik terus utuh

Kestabilan kewangan domestik terpelihara dalam keadaan sokongan padu daripada institusi yang berdaya tahan dan keadaan pasaran yang teratur. Keadaan turun naik dalam pasaran kewangan domestik secara keseluruhan kekal rendah dalam keadaan sentimen dalam negeri yang bertambah baik. Kualiti aset dan paras keuntungan institusi kewangan domestik terus kukuh manakala mudah tunai mencukupi untuk menyokong aktiviti pengantaraan dan memenuhi keperluan ekonomi sebenar.

Sektor perniagaan dan isi rumah terus berupaya membayar balik hutang

Pertumbuhan hutang isi rumah terus mencatat trend menurun pada suku ketiga 2017 (+4.9%; S2 2017: +5.1%) dengan pinjaman perumahan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan (+8.5%; S2 2017: +8.8%). Keadaan ini menyebabkan hutang isi rumah menjadi lebih rendah sebanyak 84.6% daripada KDNK pada akhir suku ketiga (S2 2017: 85.6%). Isi rumah terus menunjukkan keupayaan membayar balik hutang yang mampan disokong oleh penampan kewangan yang mencukupi dan keadaan pasaran pekerja yang stabil. Aset kewangan dan aset kewangan mudah tunai kekal tinggi masing-

Pertumbuhan tahunan aset kewangan isi rumah terus mengatasi pertumbuhan hutangnya

Rajah 26: Hutang dan Aset Kewangan Isi Rumah



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg, Jabatan Perangkaan Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan pengiraan dalaman

Jumlah peminjaman perniagaan pada suku ini didorong oleh terbitan korporat yang mampan dalam pasaran modal

Rajah 27: Nisbah Hutang Korporat kepada KDNK



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keseluruhan portfolio pinjaman perniagaan sistem perbankan kekal kukuh

Rajah 28: Pinjaman Terjejas Kasar Sektor Perniagaan



Sumber: Bank Negara Malaysia

masing pada 2.1 dan 1.5 kali hutang. Selain itu, pertumbuhan aset kewangan isi rumah (+7.9%) terus mengatasi pertumbuhan hutang (+4.9%).

Agregat nisbah jejas nilai bagi bank dan bukan bank kekal pada 1.6% manakala nisbah delinkuensi menurun sedikit kepada 1.4% (S2 2017: 1.5%). Walau bagaimanapun, kesukaran membayar balik hutang terus berlaku dalam kalangan peminjam bagi segmen pendapatan yang mudah terjejas (pendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan) yang tinggal di kawasan bandar lantaran tekanan kos sara hidup. Yang penting, potensi risiko sistemik daripada dedahan institusi kewangan terhadap sektor isi rumah yang dinilai akan terbatas disebabkan oleh faktor-faktor berikut. Pertama, sebahagian besar peminjam isi rumah baharu mempunyai nisbah khidmat hutang (debt service ratio, DSR) yang berhemat (<60%), dengan 41% peminjam mempunyai DSR kurang 40%. Kedua, bahagian peminjaman bagi peminjam yang mudah terjejas terus menurun untuk mencakupi 20.6% (2016: 21.9%) daripada jumlah hutang isi rumah. Ketiga, berdasarkan simulasi senario yang menggunakan andaian kebarangkalian kegagalan mungkir semasa sebanyak tiga kali dan kerugian akibat mungkir yang teruk, kemungkinan bank menanggung kerugian berikutan isi rumah yang mudah terjejas dianggarkan kurang 10% daripada lebihan penampan modal bank (melebihi keperluan minimum pengawalseliaan).

Peminjaman perniagaan meningkat pada kadar tahunan 7% pada suku ketiga 2017 (S2 2017: +9%). Peningkatan ini didorong oleh aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran bon korporat dan sukuk yang bertambah sebanyak 10.2% (S2 2017: 9.6%). Terbitan baharu adalah terutamanya untuk memperoleh dana daripada sektor harta tanah, utiliti dan telekomunikasi. Peminjaman luar negeri korporat secara relatif terus stabil apabila kesan penilaian kadar pertukaran yang positif hasil daripada pengukuhan ringgit telah mengimbangi peminjaman baharu. Sebahagian besar peminjaman ini terdiri daripada peminjaman antara syarikat oleh perniagaan dalam sektor perkilangan, harta tanah, serta minyak dan gas (oil and gas, O&G). Pembiayaan kepada perniagaan oleh bank dan institusi kewangan pembangunan (IKP) terus meningkat sederhana dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 5.4% (S2 2017: +6.6%). Ini disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih perlahan dalam pembiayaan kepada semua sektor. Pertumbuhan jumlah pembiayaan oleh bank dan IKP kepada PKS kekal tidak berubah pada 7% (S2 2017: +7%).

Kedudukan kewangan firma terus utuh, berikutan permintaan domestik dan luar negeri yang bertambah baik. Agregat leveraj syarikat bukan kewangan Malaysia (non-financial corporations, NFC)[4] seperti yang diukur oleh median nisbah hutang kepada ekuiti meningkat pada suku kedua 2017 (48.6%; S1 2017: 45.4%). Peningkatan ini sebahagiannya disebabkan oleh pendapatan lebih rendah yang berdasarkan beberapa faktor khusus sesebuah firma. Walau bagaimanapun, secara agregat, keupayaan membayar balik hutang dan kedudukan mudah tunai kekal kukuh.

Median nisbah perlindungan faedah (interest coverage ratio, ICR) kekal jauh melebihi ambang kehematan sebanyak dua kali (S2 2017: 8.3 kali). Median nisbah aset semasa kepada liabiliti semasa (nisbah semasa) dan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (cash-to-short-term debt, CASTD) terus stabil masing-masing pada 1.6 kali dan 1.4 kali (S1 2017: masing-masing 1.6 kali dan 1.2 kali), melebihi ambang kehematan sebanyak satu kali. Secara keseluruhan, nisbah pinjaman terjejas dan pinjaman delinkuen kekal rendah masing-masing pada 2.6% dan 0.4% daripada jumlah pinjaman bank kepada perniagaan (S2 2017: masing-masing 2.6% dan 0.4%). Pinjaman terjejas dan delinkuensi yang lebih tinggi dicatat dalam sektor harta tanah dan sektor berkaitan O&G.

Meskipun harga minyak kembali pulih pada suku ketiga ekoran sokongan daripada sentimen pasaran yang bertambah baik, harga dijangka kekal rendah dalam keadaan jangkaan bekalan yang lebih tinggi. Berikutan keadaan ini, beberapa segmen sektor O&G dijangka terus menempuh cabaran. Sungguhpun demikian, keupayaan membayar balik hutang dan kedudukan mudah tunai syarikat O&G secara keseluruhan mencatat peningkatan yang ketara berbanding dengan suku pertama, dengan median ICR pada 29.6 kali (S1 2017: 23.4 kali) dan nisbah CASTD pada 4.7 kali (S1 2017: 3.4 kali). Ini didorong terutamanya oleh syarikat-syarikat dalam segmen hiliran. Nisbah pinjaman delinkuen adalah pada 0.1% (S2 2017: 0.2%) manakala nisbah pinjaman terjejas meningkat kepada 5% (S2 2017: 4.5%) pada suku ketiga 2017, disebabkan terutamanya oleh isu aliran tunai yang dihadapi oleh penyedia perkhidmatan dalam segmen huluan tertentu. Walau bagaimanapun, risiko kepada sistem perbankan kekal terbatas kerana dedahan

Transaksi perumahan adalah lebih tinggi pada suku kedua 2017

Rajah 29: Jumlah dan Nilai Transaksi Sektor Harta Tanah



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

[4] Berdasarkan 120 syarikat yang tersenarai pada Bursa Malaysia dengan 85% permodalan pasaran (tidak termasuk institusi kewangan).

Kadar sewa ruang pejabat dan kompleks membeli-belah kekal tertekan

Rajah 30: Kadar Kekosongan dan Kadar Sewa Ruang Pejabat dan Kompleks Membeli-belah



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, Knight Frank, Jones Lang Wootton dan pengiraan dalaman

Aliran keluar portfolio bersih didorong terutamanya oleh pelaburan pemastautin di luar negeri

Rajah 31: Aliran Portfolio Bersih dan Kasar dan Pergerakan Kadar Pertukaran Ringgit Pasaran Kewangan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

kepada sektor O&G hanya kira-kira 6.5% daripada jumlah dedahan.

Pasaran perumahan terus menunjukkan tanda-tanda pemulihan selaras dengan perkembangan dalam pasaran harta tanah kediaman. Pada suku kedua 2017, jumlah dan nilai urus niaga perumahan berasaskan suku tahunan, masing-masing meningkat 2.5% dan 0.5% (S1 2017: -8.7% dan -3.8%). Peningkatan aktiviti ini disebabkan terutamanya oleh urus niaga pembelian rumah berharga RM500,000 ke bawah, mencerminkan permintaan orang ramai yang berterusan terhadap rumah mampu milik. Harga rumah (seperti yang diukur oleh Indeks Harga Rumah Malaysia) terus meningkat dengan sederhana pada kadar tahunan sebanyak 6.7% pada suku pertama 2017 (S4 2016: +7%), jauh lebih rendah daripada harga tertinggi yang dicatat sebelum ini pada tahun 2012-2013 (pertumbuhan purata sebanyak 12.3%).

Peminjam terus mendapat akses kepada pembiayaan rumah, terutamanya dalam kalangan pembeli rumah kali pertama. Pertumbuhan dalam pembiayaan rumah terkumpul adalah mampan pada 8.8% (S2 2017: +8.9%) manakala kadar kelulusan pinjaman perumahan untuk pembelian rumah berharga kurang daripada RM500,000 kekal tinggi pada 72.6% (S2 2017: 74.1%).

Permintaan terhadap pembiayaan untuk pembelian rumah bersifat spekulasi kekal rendah. Bahagian bilangan pinjaman perumahan yang dijelaskan dalam tempoh tiga tahun (tempoh lazim yang diperlukan untuk pembinaan selesai selepas harta tanah diperoleh) adalah sebanyak 10.5% (S2 2016: 11%) daripada jumlah pinjaman perumahan yang diselesaikan. Pertumbuhan tahunan bilangan peminjam dengan tiga atau lebih pinjaman perumahan terkumpul (proksi untuk pembeli spekulatif) kekal rendah pada 0.8% (S2 2017: +0.8%).

Kadar sewa bagi segmen ruang pejabat dan segmen kompleks membeli-belah terus terjejas pada suku kedua 2017 dalam keadaan lebihan bekalan. Keadaan ini, jika tidak ditangani, boleh menjadi isu struktur jangka panjang dengan implikasi yang besar terhadap ekonomi yang meluas. Risiko langsung kepada bank berikutan dedahan pembiayaan akhir kepada segmen ruang pejabat dan segmen kompleks membeli-belah kekal kecil pada 3.2% daripada jumlah pinjaman bank, disokong oleh amalan pemberian pinjaman dan penilaian yang mantap. Nisbah delinkuensi dan pinjaman terjejas bagi dedahan ini kekal rendah

masing-masing pada 0.6% dan 1.2%, (S2 2017: masing-masing 0.8% dan 1.2%). Perbincangan lanjut mengenai perkara ini boleh didapati dalam rencana bertajuk 'Ketidakseimbangan dalam Pasaran Harta Tanah' yang disiarkan dalam laporan ini.

Keadaan pasaran kewangan domestik kekal teratur

Sentimen pelabur terus dipengaruhi oleh perkembangan luaran. Ini termasuk kebimbangan terhadap kemungkinan berlaku perubahan dasar ekonomi di bawah pentadbiran Trump, ketegangan geopolitik yang semakin meningkat di sesetengah negara dan ketidakpastian mengenai kadar dan pengaturan masa pelarasan semula kadar faedah dan kedudukan kewangan Federal Reserve AS ke paras yang wajar. Meskipun berlaku perkembangan ini, turun naik keseluruhan dalam pasaran kewangan domestik kekal rendah. Ini sebahagiannya disebabkan oleh sentimen domestik yang bertambah baik dalam keadaan pertumbuhan KDNK yang lebih baik daripada jangkaan pada suku kedua. Purata turun naik kadar hasil MGS 10 tahun dan FBM KLCI masing-masing merosot kepada 8.5% dan 5.1% pada suku ketiga (S2 2017: masing-masing 10.2% dan 6.4%). Purata turun naik ringgit meningkat sedikit kepada 2.8% (S2 2017: 2.6%).

Pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM5.1 bilion pada suku ketiga (S2 2017: aliran masuk sebanyak RM16 bilion),terutamanya daripada pemastautin. Ini disebabkan oleh pelaburan yang berterusan dalam sekuriti ekuiti dan hutang di luar negara oleh pengurus dana dalam negeri dan institusi kewangan. Meskipun terdapat aliran keluar daripada GII dan MGS yang telah mencapai tempoh matang pada bulan Ogos dan September 2017, bukan pemastautin mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM3.7 bilion ke dalam bon kerajaan dan pasaran ekuiti. Pemegangan pelabur bukan pemastautin kekal stabil pada 26.6% (S2 2017: 26.0%) daripada jumlah bon kerajaan Malaysia terkumpul. Sebahagian besar pemegangan ini adalah oleh pelabur jangka panjang seperti bank pusat, kerajaan, dana pencen dan syarikat insurans (50% daripada jumlah pemegangan bukan pemastautin). Kestabilan pemegangan bukan pemastautin juga boleh dikaitkan dengan pengagihan pemegangan dalam pelbagai tempoh matang. Daripada jumlah pemegangan bukan pemastautin, 65% adalah dalam bon jangka sederhana dan jangka lebih panjang melebihi 3 tahun.

Kualiti aset sistem perbankan kukuh

Rajah 32: Kualiti Pinjaman Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penyertaan bukan pemastautin dalam pasaran ekuiti domestik kekal stabil pada 23.3% daripada jumlah permodalan pasaran ekuiti (S2 2017: 23%). FBM KLCI menurun kepada 1755.58 mata pada akhir suku ketiga (S2 2017: 1763.67 mata). Purata nisbah harga kepada perolehan (price-to-earnings, PE) FBM KLCI ialah 16.7 kali (S2 2017: 16.8 kali; purata 2010-2016: 16.8 kali).

Mudah tunai dagangan dalam pasaran modal kekal utuh. Spread bida-tawar MGS adalah stabil pada 0.1%, manakala spread bida-tawar FBM KLCI meningkat kepada 0.3% daripada harga pertengahan (S2 2017: masing-masing 0.1% dan 0.4%). Purata harian spread bida-tawar USD/MYR lebih kecil pada 23.3 pip (S2 2017: 26.1 pip). Nisbah pusing ganti bulanan MGS dan FBM KLCI lebih rendah sedikit masing-masing pada 10.3% dan 1.6% (S2 2017: masing-masing 11.3% dan 2%). Mudah tunai dalam pasaran pertukaran asing bertambah baik dengan jumlah urus niaga bagi pasangan ringgit meningkat kepada purata harian sebanyak USD6.1 bilion (S2 2017: USD5.8 bilion) dengan urus niaga semerta dan urus niaga hadapan berjumlah USD2.7 bilion (S2 2017: USD2.6 bilion).

Ringgit menambah nilai sebanyak 1.6% berbanding dengan dolar AS untuk mengakhiri suku ketiga pada RM4.2275 bagi setiap dolar AS (S2 2017: RM4.2940). Trend yang sama juga dicatat dalam mata wang utama yang lain. Spread bagi mudah tunai AS di dalam negeri untuk jangka panjang, seperti yang dicerminkan oleh spread swap asas mata wang bersilang 5 tahun, adalah pada 54 mata asas (S2 2017: 59 mata asas) Ini lebih rendah berbanding dengan purata 100 mata asas yang dicatat pada tahun 2010 hingga 2016. Spread swap kegagalan membayar kredit kerajaan 5 tahun juga lebih kecil pada 68.7 mata asas (S2 2017: 85.5 mata asas).

Dedahan risiko pasaran ditangani melalui strategi pengurusan risiko dan perlindungan nilai

Agregat dedahan risiko pasaran bank-bank menurun kepada 7.7% daripada jumlah modal pada bulan September 2017, disebabkan terutamanya oleh pengurangan risiko pertukaran asing (foreign exchange, FX) (S2 2017: 9.2%). Risiko FX, seperti yang diukur dari segi kedudukan terbuka bersih dedahan dalam denominasi mata wang asing, menurun kepada 5.7% daripada jumlah modal (S2 2017: 7%). Risiko kadar faedah dalam akaun perdagangan dan risiko ekuiti kekal rendah masing-

masing pada 1.1% dan 0.9% daripada jumlah modal (S2 2017: masing-masing 1.1% dan 1.1%). Bagi industri insurans dan takaful, dedahan risiko pasaran kekal tidak berubah pada 14.9% (S2 2017: 14.9%) daripada jumlah modal tersedia. Risiko ekuiti, yang membentuk sebahagian besar daripada dedahan risiko pasaran bagi syarikat insurans, menurun sedikit kepada 8.8% (S2 2017: 9.1%) daripada jumlah modal tersedia.

Keuntungan dan kedudukan mudah tunai institusi kewangan kukuh

Pada suku ketiga 2017, margin pembiayaan sistem perbankan (termasuk faedah) selepas ditolak kos operasi dan peruntukan kerugian meningkat sedikit kepada 0.69 mata peratusan (S2 2017: 0.65 mata peratusan) apabila bank terus menawarkan pembiayaan kepada peminjam yang layak. Walau bagaimanapun, sistem perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai yang lebih rendah sebanyak RM9 bilion (S2 2017: RM9.2 bilion), didorong oleh penerimaan sumbangan dividen yang lebih rendah daripada subsidiari.

Dalam sektor insurans dan takaful, syarikat insurans dan pengendali takaful am mencatat keuntungan operasi yang lebih rendah sebanyak RM655.1 juta pada suku ketiga (S2 2017: RM762 juta) disebabkan oleh pembayaran tuntutan yang lebih tinggi terutamanya dalam segmen motor. Sejajar dengan itu, nisbah tuntutan industri merosot kepada 61.2% (S2 2017: 55.3%). Penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga turut mencatatkan pengurangan keuntungan dengan lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan menurun kepada RM3.5 bilion (S2 2017: RM4.4 bilion). Hal ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kerugian modal bersih sebanyak RM176.2 juta (S2 2017: RM953.6 juta). Penurunan ini didorong terutamanya oleh pemegangan ekuiti, ekoran prestasi indeks FBM KLCI yang lembap menjelang akhir suku itu.

Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi untuk menyokong aktiviti pengantaraan. Lebihan mudah tunai dalam ringgit terkumpul yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia dalam bentuk simpanan, repo berbalik dan rizab berkanun yang boleh dilupuskan bagi memenuhi keperluan mudah tunai berjumlah RM189.4 bilion. Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR)[5] Basel III sistem perbankan adalah

Sistem perbankan mempunyai mudah tunai yang cukup untuk menampung kejutan mudah tunai yang teruk

Rajah 33: Nisbah Perlindungan Mudah Tunai Basel III Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

[5] LCR Basel III dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015, dengan pematuhan awal ditetapkan pada 60% dan kenaikan secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun sehingga 100% berkuat kuasa 2019. Pada 1 Januari 2017, keperluan minimum telah ditetapkan pada 80%.

pada 136% pada akhir bulan September 2017 (S2 2017: 141%). Lebih 95% bank mencatatkan paras LCR melebihi 100%.

Pada suku ketiga, keadaan pendanaan domestik kekal stabil. Kos deposit[6] purata bank dan KLIBOR 3 bulan hampir tidak berubah masing-masing pada 2.5% dan 3.43% pada akhir bulan September 2017 (S2 2017: 2.51% dan 3.43%). Sebahagian besar struktur pendanaan bank terus terdiri daripada dana berasaskan deposit (70% dari jumlah dana) dan dalam mata wang tempatan. Secara agregat, deposit sistem perbankan mencatat pertumbuhan tahunan yang lebih tinggi sebanyak 4.6 % (S2 2017: + 3%), disumbangkan oleh pertumbuhan berterusan deposit sektor isi rumah (+3.7%) dan perniagaan (+11.3%) (S2 2017: masing-masing +3.9% dan +5.5%).

Bank-bank terus mengekalkan kepelbagaian dalam struktur pendanaan mereka menerusi penggunaan instrumen pendanaan jangka sederhana dalam denominasi ringgit dan mata wang asing. Pada akhir suku ketiga, nisbah pinjaman kepada dana (LTF) kekal stabil pada 83.1% (S2 2017: 83.3%).

[6] Kos purata deposit dikira berdasarkan purata 12 bulan bergerak perbelanjaan faedah bagi deposit dibahagi jumlah deposit.

Akses kepada Pembiayaan untuk PKS: Antara Persepsi dengan Realiti

Hasil kajian OECD[1] dan kaji selidik dalam negeri yang dijalankan baru-baru ini menunjukkan akses kepada pembiayaan oleh PKS Malaysia meningkat. Walau bagaimanapun, persepsi umum mengenai kesukaran memperoleh pembiayaan oleh PKS masih berterusan. Artikel ini mengkaji persepsi berdasarkan data dari segi permintaan dan penawaran yang ada, bersama dengan maklum balas daripada institusi kewangan serta pertubuhan dan persatuan PKS:

Persepsi 1: Pembiayaan merupakan kekangan utama PKS Malaysia

Mengikut kaji selidik dwitahunan terkini oleh SME Corporation Malaysia (SME Corp), 97% daripada PKS yang memohon pembiayaan daripada institusi kewangan mengesahkan bahawa mereka mampu mendapatkan pembiayaan. Daripada jumlah ini, 27% merupakan peminjam kali pertama dan 23% ialah peminjam tanpa cagaran dan jaminan kredit.

Cabaran utama yang dinyatakan oleh PKS tidak berkaitan dengan pembiayaan[2] namun tertumpu terutamanya pada cabaran kitaran perniagaan dan kos menjalankan perniagaan yang lebih tinggi.

Data berkaitan penawaran daripada institusi kewangan menyokong hasil kajian tinjauan SME Corp:

1. Pembiayaan kepada PKS oleh institusi kewangan terus meningkat melebihi 7%, mengatasi isi rumah (5.1%) dan syarikat besar (6.3%);
2. Kadar kelulusan permohonan pembiayaan oleh PKS pada 76.4% secara konsisten adalah lebih tinggi daripada semua segmen pengguna (62.3%); dan
3. Bahagian institusi kewangan untuk pembiayaan PKS berbanding jumlah pembiayaan perniagaan terus meningkat, merupakan 50% daripada jumlah pembiayaan perniagaan oleh institusi kewangan pada bulan September 2017 (2010: 38%).

Institusi kewangan terus menjadi sumber pembiayaan PKS yang utama, dengan pembiayaan terkumpul berjumlah RM310.6 bilion pada akhir bulan September 2017, atau 97% daripada jumlah pembiayaan terkumpul kepada PKS. Sumber pembiayaan ini dilengkapkan dengan pelbagai dana dan skim Kerajaan untuk PKS. Peruntukan sebanyak RM10.4 bilion lagi disediakan di bawah dana khas BNM bagi pembiayaan kepada PKS.

Gambar Rajah 1
Realiti: Sebahagian besar PKS yang memerlukan pembiayaan berjaya memperoleh pembiayaan



Kebimbangan utama PKS tidak berkaitan dengan pembiayaan	
Kos menjalankan perniagaan yang tinggi	64%
Penyusutan nilai ringgit	53%
Permintaan dalam negeri berkurang	40%
Jualan rendah disebabkan oleh GST	38%
Sentimen perniagaan yang lemah	29%

Sumber: SME Corp Survey S1 2017

[1] Malaysia dinyatakan sebagai mempunyai pertumbuhan pembiayaan PKS yang mampan dalam kalangan 39 negara, berdasarkan laporan *Financing SMEs and Entrepreneurs 2017: An OECD Scoreboard (April 2017)*.

[2] Hanya 10% daripada PKS yang melaporkan kesukaran dengan kemudahan pembiayaan semasa terutamanya berkaitan dengan kelewatan kelulusan pinjaman/pengeluaran, permintaan penjamin atau cagaran tambahan dan faedah yang dikenakan lebih tinggi.

Persepsi 2: Memohon pembiayaan merupakan proses yang tidak jelas dan sukar

Seperti yang diamalkan oleh bank, proses permohonan pembiayaan PKS telah diselaraskan dan dipermudah. Masa yang diambil untuk memproses permohonan pembiayaan tidak bercagar telah berkurang dengan ketara, dari 70 hari sebelum ini kepada purata 7-16 hari[3] sahaja. Penambahbaikan ini sebahagian besarnya didorong oleh:

1. program PARTNER iaitu bank menggunakan borang permohonan pinjaman yang standard dan menyediakan senarai semak dokumen yang diperlukan kepada pemohon;
2. kaunter PKS yang khusus disediakan di institusi kewangan bagi membantu dan memberikan nasihat kepada pemohon mengenai penyediaan dokumen pembiayaan dan langkah-langkah yang boleh diambil bagi meningkatkan kelayakan mereka untuk mendapatkan pembiayaan; dan
3. memanfaatkan perkhidmatan sebanyak 20,363 pegawai bank di seluruh negara untuk meningkatkan keupayaan, kesedaran dan pengetahuan PKS mengenai hal-hal pembiayaan. Bidang yang diliputi termasuk keperluan dan proses permohonan kredit, pengurusan kewangan dan perancangan perniagaan.

Persepsi 3: Bank tidak memberikan pembiayaan kepada syarikat permulaan

Data pembiayaan bank kepada PKS menunjukkan bahawa 20% kelulusan pembiayaan PKS adalah untuk PKS yang baharu ditubuhkan (tiga tahun atau lebih baharu), yang secara umumnya selaras dengan bahagian permohonan yang diterima[4]. Kadar penolakan bagi PKS baharu juga didapati lebih tinggi sedikit sahaja berbanding dengan kadar penolakan purata bagi semua PKS. Perbincangan dengan institusi kewangan menunjukkan bahawa terdapat peningkatan minat untuk membiayai PKS yang baharu, selaras dengan usaha berterusan untuk menambah baik pendekatan dalam menilai risiko dan daya maju. Perkembangan ini selaras dengan peningkatan tumpuan institusi kewangan terhadap PKS sebagai segmen pertumbuhan strategik.

Gambar Rajah 2
Realiti: Proses yang mudah telah menyingkatkan masa memproses pembiayaan PKS



Gambar Rajah 3
Realiti: PKS muda menerima pembiayaan daripada institusi kewangan dengan kadar kelulusan yang serupa dengan PKS lebih lama

Bank memberikan pinjaman kepada pelbagai jenis syarikat, termasuk PKS yang baru ditubuhkan (20% daripada jumlah kelulusan)

Rajah: Bahagian pemohonan dan kelulusan pembiayaan PKS mengikut tahun beroperasi



Kadar penolakan untuk PKS yang baru hanya lebih tinggi sedikit berbanding dengan purata keseluruhan

Rajah: Kadar penolakan pembiayaan mengikut tahun beroperasi



[3] Masa yang diambil untuk memproses permohonan ialah tujuh hari untuk pembiayaan sehingga RM500,000 dan 16 hari untuk pembiayaan melebihi RM500,000 secara purata.
[4] Berdasarkan data CCRIS (2016).

Persepsi 4: Bank cepat menarik balik kemudahan pembiayaan dan/atau mengurangkan had kredit PKS semasa kemelesetan ekonomi

Kurang daripada 2% PKS yang terlibat dengan kaji selidik SME Corp dan mempunyai pembiayaan sedia ada daripada institusi kewangan melaporkan mengenai kesukaran yang disebabkan oleh pengurangan had kredit atau penarikan balik kemudahan kredit. Sebaliknya, bantuan penyusunan semula dan penjadualan semula hutang yang diberikan kepada PKS yang berdaya maju tetapi menghadapi tekanan kewangan kebiasaannya meningkat ketika kitaran menurun ekonomi. Langkah ini berjaya membantu PKS mengekalkan kemudahan kredit mereka. Lebih daripada 14,000 akaun PKS telah disusun semula atau dijadualkan semula antara tahun 2008 hingga 2016, antaranya 73% telah dimulakan ke atas akaun yang aktif, menunjukkan tindakan awalan telah diambil oleh institusi kewangan untuk membantu PKS.

Gambar Rajah 4
Realiti: Bantuan awalan diberikan secara aktif kepada PKS yang mengalami tekanan kewangan

Rajah: Penjadualan dan penyusunan semula hutang yang dijalankan dari tahun 2008-2016



Kesimpulan

Perbezaan yang nyata antara persepsi dengan realiti jelas menunjukkan perlunya program pendidikan dan penglibatan yang berterusan untuk memberikan maklumat kepada lebih banyak PKS mengenai sumber pembiayaan yang tersedia dan saluran yang boleh digunakan untuk mendapatkan bantuan. Bank Negara Malaysia terus bekerjasama dengan agensi berkaitan bagi mencapai matlamat ini. Bank Negara Malaysia juga sedang melaksanakan inisiatif tambahan untuk meningkatkan pembiayaan kepada PKS, termasuk:

1. pembangunan Platform Pembiayaan PKS dalam talian oleh Credit Guarantee Corporation (CGC) bagi membolehkan PKS mendapatkan penyelesaian kewangan yang sesuai daripada pelbagai institusi kewangan dan dana PKS dengan lebih cekap dan lancar; dan
2. pelaksanaan Makmal Mempertingkatkan Akses Pembiayaan (Financial Accelerator Lab) bertujuan untuk bekerjasama dengan rakan usaha sama utama bagi menyediakan penyelesaian yang menyeluruh kepada PKS yang menghadapi halangan lebih besar untuk mendapatkan pembiayaan.

Pada masa hadapan, pembangunan saluran pembiayaan alternatif (contohnya mendapatkan dana daripada orang ramai menerusi Internet berasaskan ekuiti, P2P, ekuiti persendirian dan modal usaha niaga) bagi melengkapkan sistem perbankan terus diberikan keutamaan untuk menyokong PKS, terutamanya dalam bidang pertumbuhan baharu. Pembiayaan bank masih tidak sesuai untuk sesetengah perniagaan dalam bidang tersebut, memandangkan tanggungjawab fidusiari bank adalah untuk memastikan keselamatan deposit orang ramai dan mengelakkan pengambilan risiko yang berlebihan.